

i. Isi tempat kosong dengan kata sendi nama yang betul.

oleh	pada	daripada	di	kepada
------	------	----------	----	--------

1. Cikgu Khir menerangkan panduan keselamatan di makmal sains _____ murid-murid.
2. Semua alatan yang tajam harus disimpan _____ dalam laci agar tidak tercapai oleh kanak-kanak.
3. Para pelawat perlu menulis nama dan masa _____ buku pelawat di pondok pengawal.
4. Model jalan raya yang dihasilkan _____ Juraimi adalah untuk pameran tersebut.
5. Peraturan jalan raya harus dipatuhi bagi mengelakkan kita _____ kemalangan.

j. Gariskan kata hubung yang betul. Kemudian, isikan di tempat kosong.

1. Kami pun mengambil buku _____ mencatatkan maklumat tentang keselamatan alatan elektrik. (lalu , sambil)
2. Jason hendak menggunakan suis itu _____ dilarang oleh abang kerana rosak. (tetapi , kerana)
3. Ibu sedang menggosok baju _____ berbual-bual dengan nenek.(sambil , tetapi)
4. Murid-murid harus segera memberitahu guru _____ ada kerosakan alatan makmal. (tetapi , jika)
5. Kakak melarang adik bermain mancis api _____ boleh mendatangkan bahaya. (kerana , lalu)